

## Syarikat minyak disyor jual bawah harga ditetapkan

**Putrajaya:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan mencadangkan kepada syarikat minyak untuk mempertimbangkan penjualan produk petroleum di bawah harga ditetapkan kerajaan.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata sekiranya syor berkenaan mendapat reaksi positif syarikat minyak, pihaknya akan memberi sokongan yang diperlukan.

Sehubungan itu, katanya syarikat minyak disaran meningkatkan kecekapan dan inovasi mengenai langkah terbaik dalam memastikan harga produk petroleum pada tahap yang kompetitif.

"Kita akan mengadakan sesi libat urus supaya penerangan lebih terperinci mengenai syor ini dapat diberikan.

"Sekiranya enam syarikat minyak utama menyambut dan mengamalkan prinsip persaingan yang baik melalui inovasi dan meningkatkan kecekapan, sudah tentu ia membantu mengurangkan harga produk petroleum di negara ini," katanya selepas Simposium

Persaingan Setara dan Kos Sara Hidup bertema 'Seiring dan Sejalan' di sini, semalam.

Saifuddin berkata, di sebalik kerajaan menggunakan kaedah Mekanisme Harga Automatik (APM) dan meletakkan harga RM2.08 seliter bagi RON95, kerajaan turut memainkan peranan untuk tidak membebankan pengguna dengan cara pemberian subsidi.

"Ada kira-kira 3,500 stesen minyak di seluruh negara yang dipelopori bukan hanya satu syarikat tetapi enam syarikat minyak utama di negara ini.

"Perniagaan runcit minyak ialah perniagaan 'volume' (kuantiti) bukan margin. Kira-kira 12 tahun dahulu, mereka mohon kerajaan menaikkan margin dan kita sudah menaikkannya daripada 12 sen kepada 15 sen untuk penguasaan stesen minyak, manakala diesel daripada 7 sen kepada 10 sen.

"Ini kali pertama dilontarkan cadangan ini, saya belum tahu reaksi mereka,

Jadi kalau media melaporkan, saya harap syarikat minyak boleh memberi maklum balas secepat mungkin," katanya.



*Syarikat minyak kena tingkat kecekapan dan inovasi pastikan harga produk pada tahap kompetitif.*  
(Foto hiasan)